

20 FEB 2003

NAM-Mahathir

M'SIA KETENGAH PELBAGAI ISU MENGENAI PEPERANGAN PADA SIDANG NAM

KUALA LUMPUR, 20 Feb (Bernama) -- Malaysia bukan sahaja ingin mengetengahkan isu berhubung kemungkinan perang di Iraq pada Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) kali ini, tetapi mahu menegaskan pendiriannya tidak bersetuju dengan penggunaan perang sebagai cara untuk menyelesaikan masalah antara negara.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia juga tidak bersetuju dengan perbuatan membunuh dijadikan sebagai cara untuk menjayakan politik sesebuah negara.

"Kita juga tidak setuju dengan tindakan yang terlebih dahulu, kerana (sebenarnya) tidak ada siapa yang berhak membuat tuntutan bahawa kononnya dia menghadapi bahaya, maka dia bertindak menyerang lebih awal negara yang disangka akan menyerang dia," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di sini hari ini.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata demikian ketika ditanya mengenai isu yang akan dibawa oleh Malaysia pada Sidang Kemuncak NAM ke-13 itu yang bermula hari ini di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) sehingga 25 Feb.

Ditanya sekiranya demonstrasi secara besar-besaran di seluruh dunia bakal menjadi benteng menghalang peperangan di Iraq, Perdana Menteri berkata Amerika sudah pasti akan mengatakan bahawa demonstrasi itu tidak mencerminkan pandangan ramai.

"Daripada demonstrasi yang diadakan di seluruh dunia...dan ini merupakan demonstrasi terbesar pernah diadakan, mempamerkan satu tentangan padu penduduk...tetapi tentunya Amerika boleh mendakwa bahawa mereka ini tidak mencerminkan pendapat keseluruhan penduduk dunia.

"Bagaimanapun, apabila di Malaysia diadakan satu demonstrasi oleh 200 atau 300 orang, mereka telah membayangkan bahawa kerajaan ini (kerajaan Barisan Nasional) patut meletak jawatan kerana rakyat tidak sukakan kami. Kini apabila berjuta orang berdemonstrasi menentang mereka, mereka tidak pula bercakap dalam nada yang serupa," katanya.

Merujuk kepada laporan mengenai permohonan Palestin untuk mendapatkan bantuan Malaysia bagi membolehkan Presiden Yasser Arafat hadir pada Sidang Kemuncak NAM di Kuala Lumpur, Dr Mahathir berkata: "Kita boleh tolong, tapi kita khuatir...bukan saja dia datang ke sini (tetapi) sama ada dia boleh balik atau tidak.

"Kita tahu hasrat Israel ialah supaya Yasser Arafat dibuang daripada negaranya," katanya.

Palestin sebelum ini meminta bantuan Dr Mahathir, sebagai bakal pengerusi NAM, untuk berunding dengan Amerika bagi membolehkan Arafat hadir pada sidang kemuncak itu ekoran keengganan regim zionis Israel melonggarkan larangan perjalanannya.

-- BERNAMA

AZH MNY MAM RON